

Salah satu inisiatif perkukuh pengeluaran hasil pertanian negara

UPM perkenal Pertanian Bandaran

Oleh **NURUL AZWA HARI**
pengarang@utusan.com.my

SERDANG 28 Okt. - Universiti Putra Malaysia (UPM) memperkenalkan aktiviti Pertanian Bandaran sebagai salah satu inisiatif memperkukuh pengeluaran hasil tanaman negara.

Pro Canselor UPM, Tan Sri Rozali Ismail berkata, usaha tersebut diyakini mampu membantu menghasilkan produk tanaman yang mencukupi menggunakan bahan pertanian berkesan.

Menurut beliau, pertanian bandaran melibatkan aktiviti menghasil, memproses serta memasarkan makanan dan produk pertanian yang dilakukan di kawasan bandar dan pinggir ban-

dar.

"Kaedah intensif yang digunakan di samping penggunaan semula sumber asli dan sisa buangan bandar dapat meningkatkan hasil pengeluaran pelbagai tanaman dan ternakan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Selain itu, tambah beliau, pertanian bandaran yang diketengahkan melibatkan aktiviti perhutanan, sains makanan, sains veterinar, teknologi halal dan sumber biologi yang bernilai kepada masyarakat dan negara.

Menurutnya, usaha itu diharapkan dapat dilaksanakan secara lestari sejajar dengan keperluan komuniti selain perlu disokong semua pihak dalam menjayakan pertanian bandaran.



ROZALI Ismail mengucapkan tahniah kepada dua anak Felda, Nurul Farhana Zakaria (dua dari kiri) bersama ibunya, Zakaria Hassan (kiri) dan Nurul Jannah Suhadi (dua dari kanan) bersama ibunya, Suhadi Ngadulan (kanan) pada Majlis Konvokesyen UPM di Serdang, semalam.